

Barang tiruan bernilai RM850,000 dilupus

*Membabitkan
42 kes kesalahan
di bawah
Akta Perihal
Dagangan 2011*

MUHAMMAD AFHAM
RAMLI

KUALA LUMPUR

Barangan tiruan bernilai RM850,000 membabitkan 42 kes dilupuskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur semalam.

Ketua Penguatkuasa KP-DNHEP Kuala Lumpur, Azeem Nazuri berkata, kesemua kes membabitkan kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Menurutnya, antara barangan yang dilupuskan ialah tali pinggang, selipar, kasut,



Azeem (dua dari kiri) menunjukkan barangan tiruan yang dilupuskan pihaknya semalam.

minyak pelincir, produk kosmetik, minuman keras, beg tangan dan telefon pintar.

"Kebanyakan barang dirampas melalui operasi di pasar malam dan premis perniagaan sekitar Kuala Lumpur.

"Perintah pelupusan ini dilaksanakan selepas kita

mendapat arahan daripada mahkamah dan pengawal perihal dagangan," katanya pada sidang akhbar di Stor KPDNHEP Kuala Lumpur di Kompleks Sentral 33, Jalan Segambut Atas.

Katanya, bermula Januari hingga kini pihaknya merekodkan 96 kes membabitkan

rampasan sebanyak 70,390 pelbagai barangan disyaki tiruan dengan nilai sitaan mencecah RM2.46 juta.

Justeru, pihaknya mengingatkan individu atau syarikat supaya tidak menjual barangan tiruan bagi mengelakkan tindakan tegas dikenakan.